

05 JUL 1999

Sarawak-Pilihan raya

DR MAHATHIR BERJUMPA PEMIMPIN BN SARAWAK BULAN DEPAN

KUCHING, 5 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menemui para pemimpin Barisan Nasional (BN) Sarawak semasa mengadakan lawatan kerja ke sini, yang dijadualkan awal bulan depan, untuk meninjau perkembangan terbaru di negeri itu.

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini berkata Dr Mahathir akan meneliti prospek BN menjelang pilihan raya umum akan datang.

Kerajaan negeri kini membuat persiapan untuk lawatannya, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan majlis tertinggi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) di ibu pejabat PBB di Jalan Bako di sini.

Abdul Taib, yang juga pengerusi BN negeri dan presiden PBB, berkata PBB, yang merupakan tunggak BN negeri, sudah bersedia menghadapi pilihan raya itu.

Mengenai senarai calon PBB, beliau berkata ia akan disahkan selepas rundingan di kalangan pemimpinnya selain mendapatkan maklumat balas daripada pengundi di peringkat akar umbi.

"Kita tidak mengadakan perbincangan terbuka mengenai senarai calon di PBB. Ia bukan cara kita. PBB sejak dahulu lagi mengamalkan pendekatan mengadakan tinjauan di peringkat akar umbi kerana kita menghormati perasaan pengundi," katanya.

Pada pilihan raya umum 1995, PBB memenangi 10 daripada 26 kerusi parlimen yang diperolehi BN negeri. DAP memenangi satu kerusi yang selebihnya.

Mengenai rombakan kabinet negeri, beliau berkata ia akan diumumkan sebaik sahaja jabatan dan agensi kerajaan menyusun semula senarai tanggungjawab mereka.

Abdul Taib bagaimanapun enggan berkata sama ada rombakan itu, yang dijangka memberi tumpuan kepada penyusunan semula tanggungjawab menteri berkaitan urbanisasi, akan dibuat sebelum atau selepas pilihan raya.

Ketika mengesahkan rombakan kabinet itu Mei lepas, beliau menafikan spekulasi bahawa sekurang-kurangnya dua menteri kabinet akan digugurkan.

Menteri Pembangunan Perindustrian Negeri Datuk Abang Johari Tun Abang Openg, yang juga timbalan presiden PBB, dan Menteri Perumahan Datuk Celestine Ujang, naib presiden kanan PBB, dua menteri yang dikatakan akan digugurkan, hadir pada mesyuarat hari ini.

-- BERNAMA

CJ AKD